

# DARI SEBULAN KE SEBULAN

Tuan Lee Kuan Yew, Setiausaha Agung PETIR

Singapura menyatakan menyatakan di dalam kempen pilihanraya bahawa komunis adalah lebih baik daripada perkauman. Pendapat ini benar mengikut segi pandangan orang-orang yang pro-komunis dan anti-agama kerana menurut pendapat mereka komunis lebih mengatur hidup mereka.

Tetapi bagi orang-orang yang beragama bahawa mereka tidak dapat menolak hukum Tuhan yang menentukan Tuhan menjadikan mereka “berpuak-puak dan berkaum-kaum supaya mereka berkenalan di antara satu dengan lain, sedang yang lebih hampir kepada Tuhan hanyalah orang-orang yang lebih takwanya”. Tiap-tiap manusia adalah berbangsa dan berkaum sedang bangsa dan kaum itu tentulah mempertahankan haknya – hak-hak mereka masing-masing – apakah orang-orang yang mengawal hak-haknya itu dipandang orang-orang yang mempertahankan perkauman?

\* \* \*

Tuan Lee Kuan Yew juga dikatakan menyatakan

bahawa janganlah agama dijadikan aliran siasah! Nampaknya tuan ini, yang sudah tentu buta dalam hal kedudukan agama Islam, berani bercakap perihal agama orang. Sebelum ia bercakap ia mestilah bertanya kepada orang-orangnya atau penasihat-penasihatnya. Ah! Tentunya payah pula ia bertanya-tanya sekarang kerana orang-orang Melayu yang terkemuka di dalam PETIR itu nampaknya *kulluhum jāhil* dalam agama. Tuan Lee Kuan Yew mesti tahu bahawa agama Islam ialah agama yang tidak dapat dipisahkan daripada siasah! Kalau mau tahu silalah tanya kepada kami atau kepada orang-orang Islam

yang sebenarnya – tidak orang-orang yang hanya bersungguh dan mengaku Islam – pergi sembahyang Jumaat ke masjid kerana mengabui mata ramai supaya dipercayai ia sebagai orang Islam yang taat dan patuh kepada agamanya.

\* \* \*

Kehebatan yang dilakukan oleh Setiausaha PETIR

itu tidaklah sehebat perbuatan Tuan Haji Ahmad Maliki di Seberang Perai. Tuan Lee tidak tahu atau jāhil tetapi Tuan Haji Ahmad Maliki dikatakan sebagai seorang ulama yang berpendapat bahawa sekiranya hukum Tuhan dijalankan di Tanah Melayu ini maka orang-orang Melayu akan berkurangan kerana hukum *hadd* akan dijalankan iaitu orang-orang Melayu yang berzina akan direjam sampai mati, orang-orang yang mencuri dipotong tangannya. Orang-orang membaca ini mengucap istighfār, bagaimana seorang yang dikatakan ulama, kerana mempertahankan kerusinya lalu mencabar hukum yang dibuat oleh Tuhan! Apakah Tuan Haji ini tidak tahu bagaimana syarat-syaratnya menjalankan hukum-hukum itu! Setengah-setengah orang meminta supaya Tuan Haji itu bertaubat kerana perbuatannya mengatakan itu tidak selayaknya diucapkan oleh seorang Islam. Orang-orang Islam tidak marah orang-orang di Perikatan mencabar perdirian PAS tetapi kalau tuan-tuan dalam mencabar PAS mencabar pula dasar-dasar Islam maka tentunya orang-orang Islam tidak mau menerima dan menolaknya bahkan mereka akan menentanginya! Adakah hukum rejam dan hukum potong tangan itu bukan hukum Tuhan? Apakah hukum itu dijalankan dengan

membabi buta dengan tidak dijalankan lagi penyiasatan di atasnya? Bertaubat, tuan bertaubat supaya terlepas tuan daripada hukuman Tuhan yang sangat pedih!

\* \* \*

Majlis Mesyuarat Undangan Johor telah meluluskan bahawa untuk memegang jawatan Menteri Besar Johor adalah orang-orang yang bukan Melayu dibenarkan. Keputusan ini diambil oleh suara yang terbanyak oleh ahli-ahli Perikatan. Sesudah berita ini tersiar maka orang-orang Melayu di Johor nampaknya tidak berpuas hati. Untuk menutup perasaan ini Datuk Haji Noh bin Omar ahli Perikatan atau orang kuat Perikatan berkata, bahawa Sultan boleh menolak orang-orang yang bukan Melayu menjadi Menteri Besar! Ucapan ini seperti kita mendengar orang tua memujuk kanak-kanak dengan kata-kata yang manis! Ia seolah-olah menyuruh melupakan bahawa wakil-wakil di dalam majlis kerajaan Johor adalah dipilih. Kalau yang terpilih lebih banyak bangsa lain dan mereka menjadikan Menteri Besarnya orang-orang bangsa lain – dan apabila Sultan menolak mereka, mereka berhenti beramai-ramai – apa kata kelak? Di mana kedudukan Sultan dan di mana kedudukan orang Melayu kerana ia telah dijadikan perlembagaan? Baik-baik bung! Jangan lekas gelap mata kerana mengenang “perasaan berbaik-baik” lalu memborong bangsa dan hak-haknya “yang masih boleh dipertahankan!”

\* \* \*

Dalam pilihanraya di Singapura maka PAS telah mengadakan tiga orang calonnya. Calon-calon PAS itu adalah terdiri, nampaknya dari orang-orang “Jam’iyyah” yang telah memegang tampuk kekuasaan di Jam’iyyah beberapa tahun lamanya kemudian apabila menyerahkan kerja-kerjanya kepada orang lain – dikatakan menjadikan Jam’iyyah tinggal wang hanya satu sen sahaja di dalam bank. Ada pula di antaranya penaja

pertubuhan “Ikhwān al-Muslimīn” tetapi mati kerana tak mendapat sambutan. Dengan rekod yang ada pada mereka orang-orang bertanya apakah “*clique*” ini sekarang yang dahulunya jadi “*clique*” di dalam Jam’iyyah menguasai pula PAS Singapura? Jika betul begini jagalah PAS Singapura – kelak mati segan hidup tak mahu!

\* \* \*

Ki Hadjar Dewantara penaja Pertubuhan Taman Siswa telah meninggal. Kematianya tidak dapat diketahui adakah sebagai seorang Muslim ataupun kerana gerak langkahnya adalah tidak di dalam Islam. Di dalam berita mengenai penghormatan kepadanya kononnya adalah jenazahnya disembahyangkan oleh semua agama, Kristian, Hindu dan Islam. Orang yang membaca berita ini tentunya garu kepala kerana bagaimana satu orang boleh menjadi pengikut tiga agama! Kalau ia Islam tentunya orang-orang Islam sahaja dibenarkan menyembahyangkannya dan kalau ia bukan Islam disembahyangkan oleh orang lain tentunya Islam tidak membenarkan menyembahyangkannya. Barangkali ada kelulusan lain, kata setengah-setengah orang. Boleh jadi ada, iaitu mengikut fatwa daripada daripada ulama N.O. di Indonesia!

\* \* \*

Kiyai Haji Muhammad Ilyas, Menteri Agama Indonesia dari N.O. dikatakan berkata di dalam ucapan radio bahawa orang-orang komunis lebih taat sembahyangnya daripada orang-orang Islam. Perkataan ini diucapkannya tatkala membidas parti-parti Islam yang anti-komunis. Orang-orang yang mendengar ucapan Kiyai N. O (Nahdatul Ulama) di Indonesia itu hanya mengucap ((*Lā hawla wa lā quwwata illā billāh*)) sahaja bung!

Sambungannya pada muka 39

## Dari Sebulan ke Sebulan

(Sambungan dari muka 7)

Orang-orang yang menganut agama Jawa Tua dikatakan telah meminta supaya Sukarno jadi Nabīnya. Permintaan itu khabarnya telah ditolak oleh “Istana” Sukarno, ertinya Sukarno menolak daripada menjadi Nabi. Ini adalah satu berita menunjukkan bagaimana fanatiknya orang-orang Jawa terhadap Sukarno – untung juga Sukarno masih ingat dan sedar bagaimana kelak jadinya kalau ia jadi “Nabī” di Indonesia!

\* \* \*

En. Sulaiman bin Dato’ Abdul Rahman, Menteri Kehakiman dalam satu ucapannya dikatakan menyatakan bahawa “dalam agama Islam ada padang Mahsyar ialah padang menerima hukuman. Manakala dari segi siyasa pula padang Mahsyar kepada parti-parti siyasa yang mengambil bahagian dalam pilihanraya ialah hari mengundi”. Orang membaca ini hairan bagaimana padang Mahsyar diperbandingkan dengan hari mengundi kerana hari Mahsyar itu ialah dibangkitkan iaitu di sana orang-orang yang berbuat baik akan menerima kebaikannya<sup>1</sup> yang jahat akan menerima hukumannya – sedang di dalam masa mengundi orang-orang pendusta masih boleh menyimpan kedustaannya dan masih boleh menipu orang lain dan dirinya sendiri kerana umumnya orang-orang yang meminta diundi seperti yang ada sekarang tak lain daripada masing-masing cari kedudukan dan faedah. Adakah semurah itu sangat diberi perbandingan kepada padang Mahsyar? Baik-baik bung memberikan perbandingan mengenai agama sebab salah-salah banding menyakitkan hati orang yang tak campur serta.

\* \* \*

Tuan Lee Kuan Yew, Setiausaha PETIR telah pun

mengeluarkan ugutan-ugutan kepada akhbar-akhbar, penulis-penulis akhbar dan penulis-penulis – ertinya orang-orang yang berkenaan dengan akhbar, kalau meruncingkan perkara perhubungan Malaya dengan Singapura, kalau ia memerintah kelak akan menjadikan mereka subversif. Belum memerintah lagi sudah menunjukkan kuku besi bung apalagi kalau memerintah orang ramai berpendapat kalau PETIR memerintah Singapura akan sama seperti di bawah perintah Jepun – barangkali lebih dahsyat lagi.

\* \* \*

PERIKATAN mendapat kemenangan yang penuh dalam pilihanraya Kedah dan Perlis. Kemenangan itu adalah suatu usaha yang utama kerana kerja bersungguh-sungguh pemimpin-pemimpinnya sehingga di dalam bulan puasa sebulan penuh menghadiri persidangan-persidangan tiap-tiap malam sehingga pukul 4 pagi. Sebaliknya ini pula satu kekalahan PAS yang pertama. PAS harus dan mesti mengkaji sebab-musabab kekalahan itu. Cara dakyahnyakah ataupun ada lain-lain perkara lagi yang telah buat atau telah terlanjur dijalankan oleh PAS. Sebab selain daripada setengah-setengahnya menggunakan ayat-ayat Allah untuk menghentam orang, mereka pula terkadang-kadang terlampau tinggi diplomasinya sehingga tidak berani tegas menunjukkan perdiriannya kepada agamanya, seperti perkara komunis sehingga dijadikan orang senjata yang besar untuk melawannya pada hal ajaran Islam adalah memberi pertunjuk<sup>2</sup> berpendirian<sup>3</sup> tegas terhadap *kuffār* dan menunjukkan kasih sayang di antara sesama Islam – tidak menggunakan *āyat-āyat* Tuhan untuk mencemeti lawan yang seagama dengannya kerana *āyat* Tuhan itu bukan tujuannya. Ia disuruh menyeru kepada jalan Tuhan dengan hikmah dan kebijaksanaan serta membahas dengan perbahasan-perbahasan yang lebih baik daripada mereka.

<sup>1</sup> Kesalahan teks. Sepatutnya kebaikannya.

<sup>2</sup> Kesalahan teks. Sepatutnya petunjuk.

<sup>3</sup> Kesalahan teks. Sepatutnya berpendirian.